



UCAPAN ALUAN
YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SEMPENA
SAMBUTAN HARI WANITA ANTARABANGSA 2016

8 MAC 2016

THE SPRING SHOPPING MALL
KUCHING, SARAWAK

SALUTASI

Assalamualaikum W.B.T. Salam sejahtera dan Salam 1Malaysia.

1. Alhamdulillah, terlebih dahulu marilah kita sama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani kerana dengan rahmat dan limpah kurniaNya kita semua dapat sama-sama berkumpul dalam majlis yang cukup bermakna pada hari ini bagi meraikan **SAMBUTAN HARI WANITA ANTARABANGSA 2016**.
2. Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada YABhg. Datin Patinggi Dato' Hajah Jamilah Haji Anu kerana sudi meluangkan masa menerima undangan yang kami hulurkan untuk bersama-sama memeriahkan seterusnya merasmikan sambutan Hari Wanita Antarabangsa pada hari ini. Beliau tanpa jemu dan lelah, sentiasa memberi sokongan yang padu dalam setiap usaha-usaha kementerian ini.
3. Terima kasih dan tahniah juga saya ucapkan kepada pihak penganjur iaitu Jabatan Pembangunan Wanita, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan juga Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak (JWKS) kerana penganjuran sambutan pada hari yang amat bermakna ini.
4. Ucapan terima kasih ini juga ingin saya panjangkan kepada jabatan, agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan syarikat korporat yang turut bersama-sama dengan KPWKM dalam menjayakan Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2016 ini.

5. Bagi pihak KPWKM, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua yang hadir dalam menjayakan serta memberi sokongan kepada Kementerian ini untuk meraikan sambutan Hari Wanita Antarabangsa pada tahun ini.

PENDAHULUAN

Hadirin Yang Di hormati Sekalian,

6. Selamat Hari Wanita Antarabangsa 2016 diucapkan kepada semua wanita di Malaysia yang selama ini telah membuktikan peranan serta sumbangan mereka dalam pembangunan sebuah negara Malaysia yang sejahtera. Tanpa peranan dan sumbangan wanita, negara tidak akan dapat membangun seperti sekarang ini. Lantaran sumbangan wanita dalam semua bidang baik politik, ekonomi, sosial mahupun agama sangat besar dan selayaknya mendapat pengiktirafan tinggi oleh semua pihak.

TEMA HARI WANITA ANTARABANGSA 2016

7. Seluruh dunia pada hari ini berdiri teguh dan bersatu hati menyatakan bahawa kesaksamaan dan pemeraksanaan wanita adalah sesuatu perkara yang amat perlu dititik beratkan. Ini adalah kerana peranan yang seimbang dan perkongsian yang dimainkan oleh lelaki dan wanita akan dapat membantu ke arah pembangunan negara yang maksima.
8. Hak kesamarataan ini terus diperjuangkan oleh wanita di seluruh dunia. Sebagai contoh, aktres antarabangsa, Anne Hathaway menyatakan, "*I believe I've always been a big believer in equality. No*

one has ever been able to tell me I couldn't do something because I'm a girl." Bekas Perdana Menteri New Zealand, Helen Clark juga turut menyatakan pandangan beliau mengenai kesamarataan dengan berkata, *"Any serious shift towards more sustainable societies has to include **gender equality**".*

9. Justeru, tema sambutan Hari Wanita Antarabangsa yang telah dipilih pada tahun ini adalah amat bertepatan dengan masa iaitu **"Pledge for Parity"**. Di samping meraikan kejayaan wanita di bidang sosial, ekonomi, budaya dan politik, telah tiba masanya untuk semua golongan untuk sama-sama berikrar bagi menyokong usaha-usaha untuk mencapai kesaksamaan dalam segenap aspek kehidupan.

SAMBUTAN HARI WANITA ANTARABANGSA 2016

Hadirin Yang Di hormati Sekalian,

10. Hari ini ialah hari untuk bergembira serta meraikan golongan wanita di Malaysia di samping berkongsi kisah dan pengalaman sebagai memberi inspirasi kepada kita semua. Maka pada hari ini, kita turut mendengar kisah-kisah penuh inspirasi oleh 5 tokoh dalam sesi Lan Santai. Sesi bual bicara yang santai ini telah mengupas semangat, usaha dan dedikasi 5 tokoh ini yang cukup berwibawa dalam bidang mereka tersendiri dan mempunyai tahap *enthusiasm* yang tinggi dalam setiap usaha yang dilakukan yang seharusnya dijadikan contoh agar langkah kita wanita di Malaysia, adalah langkah yang sentiasa membawa diri kita menuju kecemerlangan. Terima kasih

saya ucapkan kepada kesemua ahli panel di atas kesudian untuk berkongsi pandangan, pengalaman, cita dan jaya pada hari ini.

11. Untuk makluman YABhg. Datin Patinggi dan hadirin sekalian, kita juga akan meraikan wanita dengan acara yang lebih santai pada sebelah petang ini melalui segmen Ketuk Santai. Kita akan sama-sama saksikan bakat-bakat dalam bidang masakan ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

12. Untuk makluman YABhg. Datin Patinggi dan hadirin sekalian juga, petang ini program MyKasih4U iaitu satu program komuniti akan turut diadakan secara serentak di 3 buah institusi iaitu:

- **MyKasih4U: “Hope Lives Here”** merupakan projek komuniti di rumah kanak-kanak.
- **MyKasih4U: “If there’s a Wheel, there’s a way”** merupakan projek komuniti di rumah Orang Kurang Upaya.
- **MyKasih4U: “The golden Years”** merupakan projek di rumah Warga Emas

Program komuniti ini berhasrat untuk memberikan sentuhan wanita di samping beramah mesra serta menyebarkan kasih sayang dan bertanya khabar mereka. Program ini akan dilaksanakan oleh Kumpulan PERWANI dan beberapa program telah dirancang untuk dilakukan bersama-sama penghuni rumah-rumah ini antaranya ialah memasak, membersihkan kawasan pusat tersebut serta beberapa aktiviti santai yang lain.

13. Semoga usaha yang sedikit ini akan dapat memberi kegembiraan kepada mereka serta meninggalkan kenangan manis dalam memori penghuni-penghuni rumah-rumah ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

PENUTUP

14. Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2016 ini adalah sebagai tanda penghargaan dan pengiktirafan Kerajaan terhadap penglibatan dan sumbangan wanita dalam pembangunan negara kita. Kerajaan sentiasa memberi sokongan padu kepada usaha-usaha wanita dalam mencapai aspirasinya. Kerajaan akan memastikan kaum wanita akan sama-sama menjadi tulang belakang dalam mencetuskan suasana ekonomi negara yang mantap dan terus membangun.
15. Usaha yang bersungguh-sungguh dan penuh keyakinan pada diri sendiri dalam apa jua bidang yang kita lakukan pasti akan membuahkan kejayaan. Seperti yang pernah diungkapkan oleh pejuang kemanusiaan Britain, Harriet Beecher Stowe, "*Women are the real architects of the society*". Dengan semangat ini, saya berharap agar golongan wanita di Malaysia akan lebih berusaha dengan gigih dan semoga apa jua bidang yang diceburi akan memperoleh kejayaan setanding mahupun lebih hebat daripada golongan lelaki.

16. Akhir kata, saya bagi pihak Kementerian merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung serta memberi sokongan dalam menjayakan sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2016 ini. Oleh itu, marilah kita sama-sama **Pledge for Parity** (Ikrar untuk Kesaksamaan) untuk semua.

Sekian, terima kasih.